



Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu, ditarik ke dalam kehidupan persekutuan Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026. Ajarlah kami untuk mendengar dengan mendalam, untuk menilai dengan setia, dan untuk mempercayai ke mana Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu empat aspek yang sedang kami pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami, agar mereka menjadi tempat cinta, iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami, agar kami dapat berkembang dalam persekutuan, penyertaan, dan saksi yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi dengan rasa hormat, tanggungjawab, dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam komuniti, agar kami dapat mencari keadilan, mempromosikan keamanan, dan berdiri dalam solidariti dengan yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir daripada pertimbangan kami, semoga ia memperkaya dan menguatkan komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja, yang merenungkan Firman-Mu dan berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam Kristus, penuh perhatian terhadap satu sama lain, dan terbuka kepada karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu kami hidup dengan lebih setia sebagai satu Gereja Katolik Malaysia, melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Pesan Urbi et Orbi 2026 Sri Paus Leo XIV



Harapan Paskah untuk dunia yang terluka

TAKHTA SUCI: Semasa merayakan Misa Paskah di Dataran Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV menyatakan bahawa kebangkitan Kristus telah mengalahkan maut untuk selama-lamanya — suatu kemenangan yang kini membebaskan manusia daripada kuasa-Nya.

“Hari ini, seluruh ciptaan bersinar dengan terang baru. Lagu pujian naik dari bumi, dan hati kita dipenuhi sukacita: Kristus telah bangkit, dan bersama-Nya kita juga dibangkitkan kepada kehidupan yang baru,” ujar beliau.

Paskah, katanya, merangkul misteri hidup manusia dan perjalanan sejarah, bahkan dalam kedalaman maut. Ia membuka jalan kepada harapan yang tidak pernah gagal, cahaya yang tidak pernah padam, dan sukacita yang kekal.

Di bawah matahari kota Roma yang bersinar, puluhan ribu umat berkumpul pada April 5, di Dataran Sto Petrus yang dipenuhi lautan bunga berwarna-warni, menyambut Misa Paskah pertama Bapa Suci Leo XIV. Tangga basilika dihiasi indah, seolah-olah seluruh ciptaan turut bersukacita.

Dalam homilinya, Sri Paus mengingatkan bahawa kebangkitan Kristus membawa ke-

menangan atas maut—yang sering menghantui manusia dari dalam dan dari dunia — dan membuka jalan kepada harapan yang sejati.

Dari dalam hati manusia, katanya, kuasa itu hadir dalam dosa, kesunyian, keraguan dan keletihan.

“Beban dosa menahan kita daripada terbang bebas, dan kesunyian serta kekecewaan perlahan-lahan memadamkan harapan,” katanya.

“Dalam kelemahan, penderitaan dan keletihan hidup, kita kadang-kadang merasa seolah-olah berjalan dalam terowong gelap tanpa cahaya di hujungnya.” Namun, Sri Paus Leo XIV juga melihat dunia di luar—yang turut dibayangi penderitaan dan ketidakadilan.

“Kita melihat realiti ini dalam ketidakadilan yang menimpa banyak pihak, dalam sikap mementingkan diri, dalam penderitaan orang miskin, dan dalam kurangnya perhatian terhadap mereka yang paling lemah,” katanya.

“Kita merasainya dalam keganasan yang melukai dunia, dalam tangisan manusia yang menderita, dalam jeritan dari setiap penjuru — akibat penindasan terhadap yang lemah, kerakusan yang merosakkan bumi, serta pep-

erangan yang membawa maut dan kehancuran.”

Namun, Bapa Suci Leo menegaskan bahawa Paskah tidak membenarkan keputusan mengakhiri segalanya. Ia mengajak kita untuk mengangkat mata dan membuka hati, serta mengingatkan bahawa maut bukanlah pengakhiran hidup kita — kerana dalam Kristus, kita juga dibangkitkan kepada hidup yang baru.

“Saudara-saudari, Paskah menghadiahkan kita harapan ini — bahawa dalam Kristus yang bangkit, ciptaan baru sentiasa mungkin, hari demi hari,” ujar Sri Paus.

“Kita memerlukan harapan ini sekarang. Kita telah bangkit bersama Kristus, dan kita dipanggil untuk membawa-Nya ke dunia.

“Marilah kita berlari seperti Maria Magdalena, mewartakan kebangkitan-Nya kepada semua, hidup dalam sukacita itu, supaya di tempat-tempat di mana bayang maut masih tinggal, cahaya kehidupan dapat menyinari.”

Dalam suasana penuh iman dan sukacita itu, perayaan Paskah bukan sekadar mengenang suatu peristiwa lampau, tetapi mengajak umat untuk bangkit daripada kegelapan dosa dan melangkah dalam terang kebangkitan! **Media Vatikan**

Dengan kebangkitan Kristus, zaman baru telah bermula. Dahulu, kematian menutup segala-galanya. Kini, melalui kebangkitan-Nya, tiada lagi yang kekal dalam kematian. Segala sesuatu diperbaharui dalam terang kehidupan baru.

Injil Lukas membuka kisah kebangkitan dengan ungkapan “pada pagi hari pertama”. Ia bukan sekadar merujuk kepada hari Ahad, tetapi juga kepada permulaan ciptaan baru. Dalam kebangkitan Kristus, masa diperbaharui.

Dunia sendiri mengira perjalanan waktunya sejak saat itu—kini kita hidup dalam tahun 2026 sejak kebangkitan-Nya.

Sejak awal zaman, sebelum kebangkitan Yesus, segala yang fana akan mati dan terus berada dalam kematian.

Kisah Adam dan Hawa dalam tradisi iman menggambarkan bahawa manusia dahulu tidak ditakdirkan untuk mati, tetapi dosa membuka pintu kepada kematian.

Kini kita memahami kisah itu sebagai gambaran simbolik tentang keadaan manusia. Hakikatnya, menjadi manusia adalah hidup dalam kefanaannh — namun dengan harapan yang melampaui kematian. Tidak kira bagaimana kita memahami kisah Adam dan Hawa, kesimpulannya tetap: sejak manusia pertama, kematian menjadi pengakhiran bagi segala yang fana. Namun kebangkitan Kristus mengubah realiti ini.

Apabila Tuhan membangkitkan-Nya, ciptaan diperbaharui hingga ke akarnya. Alam berubah. Tubuh yang mati dibangkitkan kepada kehidupan.

Mustahil? Ya—namun di sinilah misteri iman: masa telah diperbaharui. Hari pertama yang baru telah bermula, satu Kejadian baru, satu permulaan di mana kita sekali lagi boleh berkata, “pada mulanya”. Kini tiada lagi yang kekal dalam kematian, kerana Kristus adalah “buah sulung” ciptaan baru. Apa yang telah berlaku kepada-Nya menjadi janji bagi kita — bahawa kita juga akan bangkit kepada kehidupan yang baru.

Keselamatan ini bukan hanya untuk manusia, tetapi untuk seluruh ciptaan. Kristus datang untuk menyelamatkan dunia dalam keseluruhannya.

Santo Paulus dalam Surat kepada Je-



Kristus, Buah Sulung ciptaan Baru

maat di Roma menegaskan bahawa seluruh ciptaan sedang mengerang dalam kesakitan seperti seorang ibu yang melahirkan, menantikan pembebasan daripada kebinasaan untuk masuk ke dalam kebebasan dan kemuliaan anak-anak Tuhan (Roma 8:21-23).

Bumi yang kita diami ini, seperti tubuh kita, bersifat fana dan sedang menuju kematian.

Suatu hari nanti, matahari akan padam,

dan itu akan menandakan berakhirnya kehidupan di bumi.

Namun bumi juga termasuk dalam janji kebangkitan, dan Kitab Suci memberi harapan bahawa ia akan diperbaharui. Semua ini melangkaui kemampuan kita untuk membayangkannya. Adakah haiwan juga akan hidup kekal?

Adakah haiwan kesayangan kita akan bersama kita di syurga? Adakah tumbuhan dan seluruh alam akan turut serta dalam

kemuliaan itu? Adakah seluruh kosmos akan diubah dan dibawa masuk ke dalam kehidupan baru?

Jawapannya adalah ya — namun bagaimana ia terjadi melampaui bayangan kita. Akal manusia terlalu terbatas untuk memahami misteri ini.

Apa yang mustahil bagi kita, tidak mustahil bagi Tuhan, Bapa kepada Yesus Kristus, yang melampaui segala bayangan dan mampu memperbaharui segala sesuatu kepada kehidupan baru. Injil Yohanes menggambarkan hal ini dengan indah. Dalam penampakan pertama kepada para rasul, Yesus mendapati mereka berkumpul dalam ketakutan di dalam bilik yang terkunci.

Namun Yesus yang bangkit hadir di tengah-tengah mereka, menembusi pintu yang tertutup, memberi salam damai, menunjukkan luka-Nya, dan menghembuskan Roh ke atas mereka (Yohanes 20:21).

Hembusan nafas Yesus ini selari dengan tindakan Tuhan pada permulaan penciptaan, ketika Dia bernafas ke atas kekosongan dan terang dipisahkan daripada kegelapan, lalu ciptaan mula terbentuk. Selepas kebangkitan, Kristus menghembuskan Roh ke atas para murid-Nya.

Maka untuk kali kedua dalam sejarah keselamatan, terang mula mengalahkan kegelapan. Ketakutan, kekeliruan dan kelemahan para rasul — kekosongan batin mereka — dipisahkan oleh terang kebangkitan, iaitu terang kasih, sukacita, damai, kesabaran dan kebaikan, buah Roh Kudus.

Maka wajar dikatakan bahawa dengan kebangkitan Kristus, suatu permulaan baru telah terjadi dalam sejarah. Hari pertama yang baru telah bermula, di mana terang sekali lagi dipisahkan daripada kegelapan. Kebangkitan Yesus adalah peristiwa paling mendasar sejak Allah berfirman, “Jadilah terang!” pada awal ciptaan. Kini seluruh ciptaan — manusia, haiwan, tumbuhan dan bumi — diberi bahagian dalam kehidupan yang melampaui kematian. Jika dahulu segala yang mati kekal dalam kematian, kini hal itu tidak lagi benar. Masa telah diperbaharui dalam Kristus. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Pengalaman Emaus dalam hidup kita

Saudara dan saudari terkasih, dalam pembacaan pertama hari Minggu ini, kita melihat Kisah Para Rasul menceritakan keberanian Petrus yang bangkit berdiri dan bersaksi tentang Yesus Kristus. Dahulu dia takut, kini dia berani kerana dipenuhi Roh Kudus.

Petrus mengingatkan bahawa Yesus yang disalibkan itu telah dibangkitkan oleh Tuhan. Kematian bukanlah pengakhiran, tetapi jalan kepada kehidupan baru. Kebangkitan Kristus menjadi asas iman kita—bahawa Tuhan setia pada janji-Nya dan kuasa-Nya mengatasi dosa dan maut.

Sabda ini mengajak kita untuk bertanya: adakah kita juga berani bersaksi tentang Kristus dalam hidup kita? Iman bukan hanya untuk disimpan, tetapi untuk dihidupi dan dikongsi. Dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat, kita dipanggil menjadi saksi kasih Tuhan.

Seperti Petrus, mungkin kita pernah lemah dan takut. Namun Roh Kudus menguatkan kita. Marilah kita membuka hati agar hidup kita menjadi kesaksian nyata bahawa Kristus hidup dan berkarya dalam kita.

Melalui pembacaan kedua, kita juga diingatkan bahawa hidup kita ditebus bukan dengan emas atau perak, tetapi dengan darah yang mahal, iaitu darah

Yesus Kristus. Ini menunjukkan betapa berharganya kita di mata Tuhan. Sebagai umat beriman, kita dipanggil untuk hidup dalam takut akan Tuhan—bukan ketakutan, tetapi rasa hormat dan kesedaran bahawa hidup ini adalah anugerah. Kita tidak lagi hidup seperti dahulu, tetapi sebagai orang yang telah ditebus.

Sabda ini mengajak kita untuk kembali melihat nilai diri kita. Kita ini milik Kristus. Maka setiap tindakan, perkataan dan pilihan hidup kita harus mencerminkan iman itu.

Saudara dan saudari terkasih, Injil hari ini mengisahkan dua murid dalam perjalanan ke Emaus.

Mereka berjalan dengan hati yang sedih, kecewa dan keliru setelah kematian Yesus Kristus. Walaupun Yesus sendiri berjalan bersama mereka, mereka tidak mengenali-Nya.

Bukankah ini juga pengalaman kita? Kadang-kadang dalam kesedihan, kegagalan atau penderitaan, kita merasakan Tuhan jauh. Kita tidak sedar bahawa Dia sebenarnya sedang berjalan bersama kita, mendengar keluhan kita dan menemani perjalanan hidup kita.

Yesus kemudian menjelaskan Kitab Suci kepada mereka, dan hati mereka mula berkobar. Namun mereka benar-benar

mengenali-Nya hanya ketika Dia memecahkan roti. Di sini kita melihat dua cara Yesus hadir: melalui Sabda dan melalui Ekaristi.

Sabda Tuhan membuka fikiran kita, manakala Ekaristi membuka mata hati kita. Dalam setiap Misa, kita juga mengalami perkara yang sama—kita mendengar Sabda, kemudian kita mengenali Kristus dalam pemecahan roti.

Akhirnya, kedua murid itu kembali ke Yerusalem dengan penuh sukacita untuk bersaksi. Pertemuan dengan Kristus yang bangkit mengubah mereka daripada putus asa menjadi penuh harapan.

Saudara dan saudari, mungkin hari ini kita juga sedang berada dalam “perjalanan Emaus” kita sendiri—membawa beban, persoalan atau luka hati.

Namun Injil ini mengingatkan kita bahawa Tuhan tidak pernah meninggalkan kita. Dia hadir dalam cara yang sederhana, dalam Sabda-Nya, dalam Ekaristi, dan juga melalui orang-orang di sekeliling kita.

Hari ini, marilah kita membuka hati untuk mengenali kehadiran-Nya. Dan apa-

HARI MINGGU PASKAH III
TAHUN A

KISAH PARA RASUL 2: 14, 22-33;
1 PETRUS 1: 17-21
INJIL LUKAS 24: 13-35



bila kita telah mengalami-Nya, marilah kita bangkit dengan iman yang baru untuk menjadi saksi kasih dan harapan kepada dunia.



Iman dan Alam Bertemu dalam Ziarah *Laudato Si'*

PAPAR: Kurang daripada seminggu selepas pelancaran Tahun Memperingati ulang tahun ke-800 wafatnya St Francis of Assisi di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, paroki *Holy Rosary* Limbahau telah menganjurkan ziarah ke Hutan *Laudato Si'* di Kg Bolotikon.

Tapak ini merupakan salah sebuah Pusat Ziarah Ekologi yang ditetapkan di Keuskupan Agung Kota Kinabalu sempena Tahun Jubli St Francis dari Assisi 2026.

Walaupun berdepan dengan cuaca panas, lebih daripada 100 umat tetap bersemangat menyertai ziarah tersebut bersama paderi paroki *Holy*

Rosary Limbahau, Fr Paul Lo, Fr Joshua Liew, Fr Florian Marcus, Sr Calista Sailun FSIC serta Sr Jardine D. Gutierrez.

Perjalanan ziarah ini bukan sahaja mencabar secara fizikal, tetapi juga menjadi satu pengalaman rohani yang mendalam bagi para peserta. Kemuncak ziarah ialah perayaan Misa Kudus yang diadakan di puncak pendakian.

Dalam suasana alam semula jadi yang indah, umat diajak untuk merenungkan hubungan antara iman dan tanggungjawab menjaga ciptaan Tuhan, selaras dengan semangat yang ditonjolkan oleh St Francis dari Assisi.

Hampir lima dekad melayani: Umat raikan Uskup Cornelius Piong

KENINGAU: Majlis ulang tahun pentahbisan imam ke-49 Uskup Cornelius Piong telah dirayakan dengan penuh kesyukuran baru-baru ini di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon.

Suasana perayaan itu sederhana namun sarat dengan makna rohani, apabila umat yang hadir bersama-sama mengenang perjalanan panjang pelayanan seorang gembala yang setia.

Keraian tersebut dianjurkan oleh Majlis Pastoral Paroki (MPP) dan disertai oleh ramai paderi, pengerusi zon serta umat dari Katedral St Francis Xavier. Kehadiran mereka mencerminkan sokongan dan penghargaan mendalam terhadap dedikasi Uskup Cornelius dalam

membimbing umat sepanjang hampir lima dekad.

Para hadirin turut mengambil kesempatan untuk berdoa bersama, memohon agar Tuhan terus mem-berkati pelayanannya.

Dalam ucapannya, Uskup Cornelius Piong melahirkan rasa syukur yang mendalam kepada Tuhan atas anugerah panggilan imam yang telah dihayatinya selama 49 tahun.

Beliau mengakui bahawa perjalanan tersebut tidak selalu mudah, namun rahmat Tuhan sentiasa mencukupi dalam setiap cabaran dan tanggungjawab yang dipikul.

Prelatus itu turut mengenang bahawa beliau ditahbiskan pada musim Pra-Paskah, satu waktu yang

sarat dengan makna pengorbanan dan kasih Kristus.

Bagi beliau, pengalaman itu menjadi peringatan berterusan bahawa imam adalah panggilan untuk melayani dengan kerendahan hati, setia kepada Tuhan, dan berkorban demi umat.

Pada masa yang sama, beliau menyuarakan keprihatinan terhadap keadaan Gereja masa kini yang masih berhadapan dengan kekurangan paderi.

Beliau mengajak umat untuk terus mendoakan panggilan baru agar lebih ramai anak muda berani menyahut panggilan Tuhan.

Menurutnya, doa dan sokongan komuniti amat penting dalam memupuk benih panggilan tersebut.



Perhimpunan Pastoral berteraskan dokumen *Fratelli Tutti*

LAHAD DATU: Perhimpunan Pastoral Paroki St Dominic, Lahad Datu telah berlangsung dengan penuh semangat pelayanan dan persaudaraan Kristiani, berlandaskan inspirasi daripada dokumen ensiklik *Fratelli Tutti* oleh Sri Paus Fransiskus.

Seramai 250 orang menghadiri program ini, termasuk 199 peserta yang terdiri daripada wakil KKD, KPUK serta stasi luar di bawah paroki St Dominic.

Manakala 51 orang Ahli Jawatankuasa Pelaksana, merangkumi MPP dan Komite MPC, memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran program. Perhimpunan dimulakan dengan sesi pendaftaran, ucapan aluan dan doa pembukaan yang dipimpin oleh Rektor Paroki, Fr Stanley W. Matakim.

Pengerusi MPP, Encik Willie Binati kemudiannya memperkenalkan visi dan misi MPC, sambil menegaskan tujuan perhimpunan ini sebagai usaha memperdalam pemahaman umat terhadap ajaran Gereja serta memperkukuh persiapan rohani.



Sepanjang hari, peserta terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk sesi suai kenal, pembentangan Bab 1 hingga Bab 8 *Fratelli Tutti*, perbualan rohani, aktiviti berkumpul serta pembentangan hasil perbincangan.

Suasana program kekal aktif dan penuh penglibatan hingga lewat petang.

Kemuncak perhimpunan ini ialah Misa Kudus Senja yang dirayakan pada pukul 6.00 petang, diikuti sesi bergambar dan jamuan makan malam yang mengeratkan hubungan komuniti.

Para peserta menyatakan rasa syukur atas pengalaman yang bermakna ini. Walaupun terdapat cabaran seperti kehadiran yang

tidak lengkap dan perjalanan yang memematkan, mereka tetap merasakan kehadiran Tuhan dalam setiap sesi.

Perhimpunan ini akhirnya menjadi ruang yang memperkukuh iman, memupuk perpaduan, dan mengingatkan umat bahawa kasih Tuhan sentiasa hidup dalam komuniti melalui doa dan pelayanan.

Dari Korea ke Melaka: Iman dan persaudaraan dirayakan bersama



MELAKA: Sekumpulan paderi dari Korea bersama beberapa umat awam baru-baru ini mengadakan lawatan ke Melaka dan merayakan Misa Kudus di Gereja St Francis Xavier (SFX) yang telah siap direnovasi.

Kehadiran mereka disambut dengan penuh mesra oleh paderi paroki, Fr Moses Rayappan, yang turut menyampaikan kasula kepada para paderi dari Korea sebagai tanda kenangan sempena ulang tahun ke-50 keuskupan, bagi pihak Uskup Bernard Paul.

Para paderi kemudian mengenakan kasula tersebut semasa per-

ayaan Misa.

Selepas Misa, rombongan tersebut berkesempatan bertemu dengan Bernard Paul yang seterusnya menjemput mereka menghadiri jamuan makan tengah hari bersama para paderi di Seminari Katolik *Good Shepherd*.

Lawatan ini bertepatan dengan Perhimpunan Bulanan Klerus Keuskupan, memberi peluang kepada para pelawat untuk berkenalan dengan ramai paderi tempatan.

Lawatan ini diatur oleh Fr Joseph Lee Ki-Beom, yang sebelum ini telah

menghubungi keuskupan untuk menyatakan hasrat meraikan Misa di SFX serta bertemu dengan Uskup Bernard.

Beliau kemudian merakamkan penghargaan atas sambutan hangat yang diterima, sambil menyatakan bahawa pakaian liturgi yang dihadiahkan akan menjadi kenangan yang amat berharga.

Sebagai tanda persahabatan, rombongan tersebut turut menghadihkan patung Andrew Kim Taegon, bersama wain Korea dan patung marmar kecil "Yesus Tertawa" kepada Uskup Bernard.

Sahabat kecil Yesus

Anak-anak yang dikasihi, hari ini kita belajar tentang kisah dua orang murid yang berjalan ke sebuah tempat bernama Emaus. Mereka berasa sedih kerana Yesus telah wafat.

Tiba-tiba, seorang lelaki datang berjalan bersama mereka. Lelaki itu ialah Yesus, tetapi mereka tidak mengenali Dia.

Yesus mendengar cerita mereka dan menjelaskan Kitab Suci. Hati mereka mula terasa hangat dan gembira.

Apabila mereka sampai di Emaus, mereka mengajak Yesus tinggal bersama mereka.

Semasa makan, Yesus memecahkan roti—dan pada saat itu, mereka pun mengenali bahawa Dia ialah Yesus!

Anak-anak, kisah ini mengajar kita bahawa Yesus sentiasa bersama kita, walaupun kita tidak nampak Dia.

Apabila kita mendengar Sabda Tuhan dan menerima Ekaristi dalam Misa, Yesus hadir dekat dengan kita. Kadang-kadang kita juga sedih atau takut, seperti murid-murid itu.


Tetapi Yesus tidak pernah meninggalkan kita. Dia berjalan bersama kita setiap hari—di rumah, di sekolah, dan di Gereja.

Marilah kita membuka hati kita untuk mendengar Sabda Tuhan dan mengasihi sesama.

Seperti murid-murid di Emaus, hati kita juga akan penuh dengan sukacita apabila kita menyedari bahawa Yesus sentiasa bersama kita.

Salam Sayang
Auntie Melly

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah:



Bantu dua orang murid, mencari jalan untuk membawa Yesus ke kampung Emaus. Cari rumah yang mempunyai Ekaristi sahaja.



TUHAN adalah
(kereta/gembalaku), takkan
(kekurangan/kekayaan) aku.
Dia
(menidurkan/membaringkan)aku di padang yang
(bertanah/berumput) hijau.
Dia membimbing aku ke
(air/sungai) yang
(tenang/kacau). Dia menyegarkan
(jiwaku/mataku). Dia menuntun aku di (pagar/jalan) yang benar oleh kerana nama-Nya.
(Mazmur 23:1-3)

BELIA

PELAYANAN YANG MENGUBAH HATI

PULAU PINANG: Lawatan ke Rumah St Joseph baru-baru ini menjadi satu pengalaman yang amat bermakna bagi pelayan katekismus Gereja Kristus Yang Bangkit.

Program ini dilaksanakan dengan sokongan dan dorongan paderi paroki, Friar Crispus Mosinoh, OFM, yang sentiasa menggalakkan para katekis dan pelajar untuk melibatkan diri dalam misi pelayan serta membina semangat pertemuan yang berteraskan kasih Kristus.

Bagi kebanyakan pelajar katekismus, lawatan ini merupakan pengalaman pertama mereka berinteraksi secara langsung dengan kanak-kanak di Rumah St Joseph.

Ramai yang sebelum ini tidak pernah menjejakkan kaki ke sana, namun melalui kunjungan ini mereka mula belajar untuk menyayangi, menghargai serta membuka hati terhadap penghuni rumah tersebut.

Perasaan kekok pada awalnya perlahan-lahan berubah menjadi kemesraan apabila kanak-kanak dan para pelawat cepat menyesuaikan diri, mewujudkan suasana yang penuh kehangatan.

Pelbagai aktiviti yang dianjurkan seperti permainan, nyanyian dan perkongsian santai berjaya mencetuskan kegembiraan bersama.

Gelak tawa kanak-kanak memenuhi ruang, mencerminkan kebahagiaan yang tulus dan tidak dibuat-buat. Dalam



kegembiraan itu, para peserta diingatkan akan sabda Tuhan: "Biarlah anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka" (Markus 10:14), yang menyerlahkan nilai dan kasih istimewa Yesus terhadap kanak-kanak.

Seorang katekis, Annastasia, berkongsi bahawa pada awalnya dia menjangka hanya akan memerhati, namun akhirnya pulang dengan pengalaman yang jauh lebih mendalam dan bermakna.

Menurutnya, dia menemukan kegembiraan dalam mengatur permainan dan melihat kanak-kanak bermain dengan bebas.

Detik-detik sederhana itu membuka hatinya tentang kekuatan kehadiran yang ikhlas. "Kadang-kadang, hanya dengan berada di situ sepenuhnya sudah menjadi

satu hadiah," katanya.

Pengalaman ini juga menghidupkan firman Tuhan: "Apa sahaja yang kamu lakukan untuk salah seorang daripada saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk-Ku" (Matius 25:40).

Apa yang dibawa pulang bukan sekadar kenangan, tetapi satu kesedaran bahawa cinta, maruah dan hubungan kemanusiaan merupakan nilai yang kekal dan tidak ternilai.

Melalui interaksi yang terjalin, para peserta turut diingatkan akan keindahan kesederhanaan, kerendahan hati serta kegembiraan yang lahir daripada hubungan yang tulus.

Perkongsian snek yang ringkas turut mengeratkan lagi hubungan apabila per-

bualan mengalir dengan lebih santai dan persahabatan mula berkembang secara semula jadi.

Seperti yang tertulis: "Kasih itu sabar, kasih itu murah hati" (1 Korintus 13:4), suasana hari itu dipenuhi dengan kasih yang nyata dalam tindakan.

Walaupun lawatan ini singkat, impaknya amat mendalam dalam hati setiap peserta. Saat pelukan dan ucapan perpisahan dipertukarkan, jelas bahawa sesuatu yang indah telah berlaku — satu pengalaman yang memperlihatkan kasih dalam tindakan. Ia menjadi kenangan berharga tentang kegembiraan, kebaikan dan cinta yang akan terus dikenang serta menginspirasi pelayan mereka pada masa hadapan.

Konversi Ekologi: Panggilan baharu untuk generasi muda

YOGYAKARTA, Indonesia: Gerakan *Laudato Si'* Indonesia (GLSI), dengan kerjasama Universiti Katolik Atma Jaya Yogyakarta, telah menghimpunkan belia Katolik dari seluruh negara dalam satu latihan selama tiga hari bagi membentuk generasi baharu penyokong ekologi yang berlandaskan iman.

Diadakan pada penghujung bulan Mac, latihan *Generasi Laudato Si'* (LSG) ini melibatkan peserta dari pelbagai bandar seperti Jakarta, Surabaya, Semarang, Malang dan Yogyakarta.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha Gereja untuk memperdalam kesedaran ekologi dalam kalangan golongan

muda serta mendorong penerapan ajaran ensiklik *Laudato Si'* dalam kehidupan seharian.

Sepanjang program, seramai 30 peserta mengikuti pelbagai sesi yang menggabungkan refleksi teologi, analisis sosial dan penglibatan praktikal terhadap isu alam sekitar.

Ketua penganjur, Matilda Tjundawan, membuka latihan dengan mengajak peserta merenungkan realiti krisis ekologi dalam komuniti masing-masing, sebagai asas kepada perbincangan yang lebih mendalam.

Peserta turut didedahkan kepada pendekatan saintifik dan spiritual dalam



memahami krisis alam sekitar. Prof Dr Pramana Yuda memperkenalkan konsep bioindikator seperti burung untuk menilai kesihatan ekosistem, manakala Kristien Yuliarti membimbing peserta mendalami dimensi rohani *Laudato Si'*.

Pada masa yang sama, sesi praktikal seperti pemulihan tanah dan sistem makanan lestari memberi pengalaman langsung kepada peserta dalam menghayati gaya hidup mesra alam.

Program ini juga menyentuh dimensi sosial dan struktural isu ekologi. Fr Martin Jenarut menjelaskan pendirian Gereja terhadap isu perlombongan serta menekankan kepentingan penglibatan

belia dalam advokasi alam sekitar.

Refleksi kolektif peserta akhirnya membawa kepada apa yang digambarkan sebagai "konversi ekologi", termasuk kesedaran akan tanggungjawab peribadi terhadap alam ciptaan.

Sebagai kesinambungan, para peserta komited untuk melaksanakan cabaran *Laudato Si'* selama 21 hari bagi memperdalam amalan hidup lestari.

Penganjur melihat latihan ini sebagai platform penting dalam membentuk belia yang bukan sahaja peka terhadap isu alam sekitar, tetapi juga bersedia menjadi agen perubahan dalam komuniti mereka. LICAS News



Berita singkat antarabangsa

Sri Paus nyatakan solidariti kepada rakyat Lubnan

LUBNAN: Penganut Kristian di kampung Debel, selatan Lubnan, tidak dapat menyambut Paskah di rumah dan gereja mereka, manakala bantuan Vatikan juga terhalang.

Pada April 7, Sri Paus Leo XIV mengutus mesej penghiburan, menyatakan “kedekatan dan kelembutan paternal” kepada komuniti yang menderita.

Mesej yang ditandatangani Pietro Parolin itu menegaskan solidariti kepada semua yang

terkesan akibat perang.

Sri Paus mengingatkan bahawa dalam kesedihan, kegembiraan Paskah tetap hidup kerana Kristus telah mengalahkan maut.

Beliau turut mengajak umat untuk tetap berpegang pada iman dan harapan, serta saling menguatkan dalam menghadapi penderitaan, sambil berdoa agar keamanan segera dipulihkan di tanah yang dilanda konflik tersebut. Media Vatikan

Kristian anjur protes aman bantah peperangan

COLOMBO: Kira-kira 200 orang, termasuk paderi dan biarawati Katolik, mengadakan demonstrasi aman di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat di Colombo pada Jumaat Agung.

Perhimpunan itu bertujuan menuntut agar konflik yang melibatkan Amerika Syarikat, Israel dan Iran dihentikan segera.

Para peserta menyifatkan perang tersebut sebagai satu bentuk genosida untuk menguasai sumber minyak.

Umat Katolik, Protestan serta pelbagai denominasi Kristian lain bergabung dengan aktivis hak asasi manusia, membawa sepanduk anti-perang dan me-

laungkan slogan menentang keganasan serta perdagangan senjata.

Demonstrasi ini menjadi simbol kesatuan antara agama dan solidariti kemanusiaan.

Menurut Sherad Jayawardena dari Keuskupan Agung Colombo, kehadiran mereka pada hari suci itu mencerminkan keprihatinan global terhadap jutaan mangsa perang.

Beliau menegaskan bahawa iman Kristian menuntut umat untuk bersuara demi keadilan dan keamanan serta menggesa masyarakat antarabangsa untuk memperhebat usaha diplomasi dan dialog. UCA News

Tradisi dipersoal, Gereja pilih berubah

MANILA: Sebuah paroki di kawasan ibu kota Filipina memohon maaf selepas dikritik kerana melakukan kekejaman terhadap haiwan dalam ritual Paskah tradisional.

Insiden itu melibatkan penggunaan burung merpati untuk membuka kain hitam pada patung Bonda Maria dalam upacara *Salubong* di Malabon, Metro Manila.

Video kejadian tersebut tular di media sosial dan mencetuskan kritikan meluas.

Susulan itu, pihak paroki dan paderinya memohon maaf kepada umum serta menjelaskan bahawa amalan menggunakan merpati telah lama dilakukan

sebagai sebahagian tradisi. Pengarah *Philippine Animal Welfare Society*, Anna Cabrera, bagaimanapun menyifatkan permohonan maaf itu tidak memadai kerana paroki masih berhasrat menggunakan merpati hidup dalam sambutan akan datang.

Namun, pihak keuskupan menyatakan bahawa paroki tersebut telah beriltizam untuk menghentikan amalan itu, sambil menegaskan kepentingan memastikan tradisi keagamaan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta menghormati kesejahteraan haiwan dan alam sekitar. LICAS News

Apabila Gereja tidak menjawab, umat akan pergi

SURABAYA: Seorang uskup Katolik, Agustinus Tri Budi Utomo, memberi amaran kepada para paderi agar tidak mengabaikan tugas sakramental selepas sebuah keluarga meninggalkan Gereja kerana permintaan Sakramen Pengurapan Orang Sakit tidak dilayan.

Dalam Misa Krisma di kota Surabaya, beliau menyifatkan insiden itu sebagai kegagalan serius dalam pelayanan dan menegaskan bahawa paderi tidak boleh menangguk atau menolak permintaan sakramen, terutama dalam keadaan kecemasan.

Beliau mengingatkan bahawa tugas utama paderi ialah menjadi pelayan sakramen serta menghadirkan Kristus kepada

umat. Uskup juga menyeru perpaduan dalam kalangan paderi, kesederhanaan hidup serta pendekatan penuh kasih dalam pelayanan dan pewartaan.

Kepada umat, beliau menggalakkan doa dan dialog daripada kecaman terbuka terhadap kelemahan paderi. Insiden tersebut, katanya, harus menjadi peringatan penting tentang tanggungjawab pastoral, khususnya dalam memenuhi keperluan rohani yang mendesak.

Beliau turut menegaskan bahawa setiap panggilan umat perlu disahuti atau dijawab dengan segera serta penuh kepekaan, kerana pada saat-saat genting, kehadiran Gereja menjadi tanda harapan dan belas kasih Tuhan kepada mereka yang menderita. LICAS News

Di tengah dentuman perang



Para suster tetap tinggal bersama yang menderita

YAMAN: Sekumpulan kecil biarawati misionari di Yaman terus tinggal bersama komuniti yang berada dalam kesusahan yang amat berat, sambil menawarkan apa yang digambarkan oleh seorang pemimpin Katolik sebagai “pendampingan yang nyata” ketika perang dan ketidaktentuan merembak di seluruh Teluk.

“Contoh paling nyata misi di kawasan yang dilanda peperangan ialah para Suster dari *Sisters of Mother Teresa of Calcutta* bersama seorang imam yang ‘tinggal bersama mereka,’” kata Paolo Martinelli, Vikaris Apostolik Arabia Selatan, dalam satu wawancara dengan *AsiaNews*.

Kesaksian para suster ini muncul ketika konflik melibatkan Israel, Amerika Syarikat dan Iran telah menggugat negara-negara Teluk selama lebih sebulan, sekali gus mengganggu kehidupan Gereja dan meningkatkan keresahan dalam kalangan komuniti migran yang membentuk majoriti umat Katolik di rantau itu.

“Saya terkesan dengan kegembiraan mereka — kegembiraan kerana berada di Yaman dan dapat dekat dengan mereka yang menderita,” kata Paolo Martinelli.

Walaupun “mereka tidak dapat menyelesaikan masalah kehidupan dalam keadaan kemiskinan yang melampau itu namun, para suster tetap menawarkan pen-



dampingan yang nyata kepada mereka yang memerlukan,” tambahnya.

Di seluruh wilayah vikariat — yang merangkumi Dubai, Emiriah Arab Bersatu dan Oman — keadaan menjadi semakin buruk pada permulaan Minggu Suci.

“Sebelum Minggu Suci, satu-satunya saranan ialah mengelakkan perhimpunan besar umat beriman,” katanya.

Namun apabila Tridum bermula, “pihak berkuasa awam mengumumkan penutupan semua rumah ibadat di Emiriah Dubai,” yang menjejaskan dua paroki utama untuk mengadakan perayaan liturgi yang biasanya dihadiri ratusan umat.

Paroki-paroki membatalkan acara, memindahkan kelas katekismus secara dalam talian, dan menyiarkan liturgi secara langsung. Sebahagian umat beriman pula melakukan perjalanan ke emiriah

lain untuk menyertai sambutan Paskah.

Walaupun terdapat sekatan, Paolo Martinelli menyatakan bahawa penyertaan tetap kukuh, sambil menggambarkan Gereja sebagai “polifoni iman yang penuh sukacita,” dihimpunkan daripada lebih 100 kewarganegaraan.

Di tengah konflik yang berlarutan, rasa tidak menentu semakin menghimpit para pekerja migran—yang menjadi tulang belakang umat Katolik di rantau ini.

“Perang sentiasa menggonggong—ia merobohkan kepastian kita dan membuka persoalan tentang masa kini dan masa depan,” kata Paolo Martinelli.

Walaupun kehidupan masih diteruskan, bunyi siren, peluru berpandu dan dron menjadi peringatan yang sukar dilupakan.

Dalam keadaan ini, Gereja berusaha menjaga kehidupan komuniti dan mengubati kesunyian, terutama apabila sakramen dan pembinaan iman terganggu.

“Yang paling berbahaya ialah kesunyian,” tegasnya — maka penting untuk memperteguhkan rasa kebersamaan sebagai umat Tuhan.

Namun, konflik ini juga menguji dan merumitkan usaha dialog antara agama.

Di Yaman, misi kasih itu tetap berlanjutan—meskipun diiringi bunyi perang.

“Dia tetap bersama kita — dalam bunyi siren, dalam dentuman peluru berpandu dan dron,” kata Paolo Martinelli.

“Dalam misteri Paskah, Tuhan telah menyatukan diri-Nya dengan kita untuk selama-lamanya. Bersama-Nya, kita sentiasa dapat bangkit semula dengan harapan yang tidak dapat dikalahkan.”

Dalam situasi yang penuh kerapuhan ini, kesaksian para biarawati tersebut menjadi tanda harapan yang hidup — bahawa di tengah penderitaan dan ketakutan, kasih Kristus tetap hadir secara nyata melalui mereka yang setia melayani tanpa syarat, bahkan di tempat yang paling terluka. Media Vatikan



VATIKAN: “Kekudusan bukan hanya milik segelintir orang, tetapi merupakan anugerah bagi semua yang dibaptis — yang mengajak setiap kita untuk berusaha mencapai kesempurnaan kasih, iaitu mengasihi Tuhan dan sesama dengan sepenuhnya.”

Sri Paus Leo XIV menyampaikan hal ini dalam Audiensi Umum pada hari Rabu di Vatikan, ketika beliau meneruskan katekesis tentang Konsili Vatikan II (KV II), dengan merujuk kepada dokumen *Lumen Gentium*.

Dalam audiensi itu, Sri Paus meneruskan renungannya tentang Konstitusi tersebut dan mengingatkan bahawa *Lumen Gentium* memberi satu bab khusus — bab kelima—tentang panggilan semua umat kepada kekudusan.

Bab ini menegaskan bahawa setiap kita dipanggil untuk hidup dalam rahmat Tuhan, mengamalkan kebajikan, dan mencontohi Kristus dalam kehidupan seharian.

Bapa Suci menekankan bahawa bentuk kekudusan yang paling tinggi, seperti dalam Gereja awal, ialah kemartiran — “kesaksian tertinggi iman dan kasih.”

Oleh sebab itu, setiap orang beriman dipanggil untuk tetap setia kepada Kristus, bahkan jika perlu hingga mengorbankan nyawa, sebagaimana yang telah berlaku dahulu dan masih berlaku hingga kini.

Menurut Sri Paus, kesediaan untuk memberi kesaksian iman menjadi nyata setiap kali orang Kristian meninggalkan jejak iman dan kasih dalam masyarakat.

Bapa Suci Leo XIV mengingatkan bahawa sakramen-sakramen, khususnya Ekaristi, adalah sumber kekuatan rohani — “santapan yang membentuk kehidupan kudus, menjadikan manusia semakin menyerupai Kristus, ukuran sejati kekudusan.”

Uskup Roma itu menegaskan bahawa Yesus sendiri menguduskan Gereja.

Oleh sebab itu, kekudusan adalah anugerah daripada-Nya, yang terserlah dalam kehidupan harian apabila kita menerimanya dengan hati yang gembira dan menjawab panggilan-Nya dengan komitmen yang setia.

Bapa Suci mengingatkan bahawa Santo Paulus VI, dalam Audiens Umumnya pada Okt 20, 1965, menyatakan bahawa Gereja, untuk menjadi autentik, memerlukan semua yang dibaptis mesti “menjadi suci,



iaitu, benar-benar layak, kuat dan anak-anaknya yang setia.”

“Ini, direalisasikan sebagai transformasi dalaman, di mana kehidupan setiap orang disesuaikan dengan Kristus melalui Roh Kudus.”

Sri Paus mengingatkan bahawa *Lumen Gentium* menggambarkan kekudusan sebagai salah satu sifat utama Gereja Katolik.

Namun, kekudusan itu bukanlah sesuatu yang sudah sempurna sepenuhnya, tetapi satu panggilan untuk terus meneguhkan anugerah Tuhan sepanjang perjalanan Gereja menuju destinasi kekal, sambil berjalan “di tengah penderitaan dunia dan penghiburan Tuhan.”

Menurut Sri Paus, kenyataan pahit tentang dosa dalam Gereja — iaitu dalam diri kita semua — seharusnya menggerakkan kita kepada perubahan hidup yang mendalam. Kita dipanggil untuk menyerahkan diri kepada Tuhan yang memperbaharui kita dengan kasih-Nya.

“Rahmat yang tidak terhingga inilah yang menguduskan Gereja dan pada masa yang sama memberikan kita satu misi harian: pertobatan yang berterusan.”

“Oleh sebab itu, kekudusan, tidak hanya mempunyai sifat praktikal, seolah-olah ia boleh diringkaskan kepada komitmen etika, walau sebesar mana sekalipun, tetapi melibatkan intipati kehidupan Kristian itu sendiri, baik secara peribadi mahupun komuniti.”

Dalam konteks ini, Sri Paus mengingatkan secara khusus mereka yang menyerahkan hidup sepenuhnya kepada Tuhan melalui nasihat Injil—iaitu kemiskinan, kemurnian dan ketaatan.

Ketiga-tiganya melambangkan kepercayaan penuh kepada penyertaan Tuhan, meneladani Kristus yang menyerahkan diri-Nya kepada Bapa dengan hati yang tulus.

“Ketiga-tiga nilai ini,” kata Sri Paus Leo XIV, “bukan untuk menyekat kebebasan, tetapi merupakan anugerah Roh Kudus yang membebaskan, yang membantu sebahagian umat beriman menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan.”

Sri Paus Leo XIV mengakhiri dengan merayu kepada Bonda Berkat, Bonda Suci Firman yang menjelma, agar sentiasa menyokong dan melindungi perjalanan kita. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

10 perkara kita kena tahu tentang EKSORSISME

1. Eksorsisme itu nyata dalam ajaran Gereja

Eksorsisme bukan sekadar mitos atau kisah dalam filem. Ia merupakan sebahagian daripada pelayanan rasmi Gereja yang berakar kuat dalam iman Kristian.

Dalam Injil, Yesus Kristus sendiri berulang kali mengusir roh jahat sebagai tanda kuasa Tuhan atas kejahatan serta sebagai ungkapan belas kasih-Nya kepada manusia yang menderita.

2. Hanya paderi tertentu/dilantik oleh Uskup, dibenarkan melakukannya

Eksorsisme besar (*major exorcism*) hanya boleh dilakukan oleh imam yang diberi kuasa khas oleh uskup. Ia bukan sesuatu yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja.

3. Gereja sangat berhati-hati

Sebelum eksorsisme dilakukan, kes akan disiasat dengan teliti. Ia biasanya melibatkan doktor dan pakar psikologi untuk memastikan ia bukan penyakit mental.

4. Banyak kes bukan kerasukan

Kebanyakan kes yang disangka kerasukan sebenarnya berkaitan dengan trauma, gangguan psikologi atau emosi — bukan gangguan roh jahat.



5. Ada ritual rasmi Gereja

Eksorsisme dilakukan berdasarkan buku rasmi Gereja iaitu *Rite of Exorcism (Rituale Romanum)*, dengan doa-doa khusus dan struktur yang tetap.

6. Kuasa datang dari Tuhan, bukan imam

Paderi tidak “melawan” syaitan dengan kekuatan sendiri. Kuasa eksorsisme datang sepenuhnya daripada Tuhan melalui nama Yesus.

Dalam Injil, Yesus sendiri menunjukkan bahawa pengusiran roh jahat dilakukan dengan kuasa Ilahi, dan para rasul juga diutus untuk melakukan hal yang sama dalam nama-Nya.

Apabila seorang paderi melaksanakan eksorsisme, dia bertindak bukan atas nama dirinya, tetapi sebagai wakil Gereja yang bersandar sepenuhnya kepada kuasa Kristus.

7. Tujuannya adalah pembebasan, bukan sensasi

Eksorsisme bukan untuk tujuan dramatik atau tontonan. Tujuannya adalah menyembuhkan dan membebaskan individu daripada gangguan roh jahat.

8. Terdapat pelbagai tahap gangguan

Gereja membezakan antara:

- godaan biasa
- gangguan (oppression)
- obsesi
- kerasukan (possession)

Eksorsisme besar digunakan hanya apabila seseorang benar-benar mengalami kerasukan, bukan sekadar gangguan biasa.

9. Iman dan kehidupan rohani adalah perlindungan utama

Doa, sakramen (terutama Ekaristi dan Pengakuan Dosa), serta hidup dalam rahmat Tuhan adalah “perlindungan” terbaik daripada gangguan jahat.

10. Eksorsisme masih dilakukan hari ini

Walaupun jarang berlaku, eksorsisme tidak pernah berhenti diamalkan.

Di kebanyakan keuskupan di seluruh dunia, terdapat paderi yang secara khusus diberi mandat untuk menjalankan pelayanan ini. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Budaya pertemuan

Dalam dunia yang semakin terpisah — oleh perbezaan, luka, dan ketakutan — iman manusia juga sering menjadi lemah. Bukan kerana Tuhan menjauh, tetapi kerana kita berhenti berjalan menuju satu sama lain. Di sinilah kebenaran yang mendalam muncul: iman tidak hanya hidup dalam doa, tetapi juga dalam pertemuan.

Realitinya, ramai orang hari ini bergelut dengan iman mereka. Ada yang takut bertanya kerana bimbang dianggap lemah. Ada yang menyembunyikan keraguan kerana tidak mahu mengecewakan orang lain. Ada juga yang mengalami pengalaman rohani tetapi tidak tahu bagaimana berkongsi. Semua ini menunjukkan satu perkara penting — iman tidak berkembang dalam kesunyian yang tertutup. Iman memerlukan pertemuan.

Dalam tradisi Kristian, berjalan bersama adalah lambang perjalanan iman. Kita dipanggil untuk menemani satu sama lain — dalam kegembiraan dan penderitaan. Seperti yang diingatkan dalam Ibrani 10:24-25, “Marilah kita saling memperhatikan supaya kita saling mendorong dalam kasih dan dalam pekerjaan baik, dan janganlah kita menjauhkan diri dari pertemuan-pertemuan ibadat kita.”

Namun apabila kita berhenti mendekati sesama, apabila kita memilih untuk menjauh daripada memahami, di situlah iman mula pudar.

Mengabaikan budaya pertemuan membawa kesan yang serius.

Pertama, iman menjadi rapuh dan mudah goyah. Tanpa sokongan komuniti, seseorang mudah tenggelam dalam keraguan dan kehilangan arah.

Kedua, hubungan menjadi dingin dan penuh salah faham. Tanpa pertemuan yang jujur, kita mula membina prasangka dan kehilangan empati.

Ketiga, Gereja kehilangan wajahnya sebagai komuniti kasih. Jika umat tidak berjalan bersama, Gereja boleh dilihat sebagai tempat penghakiman, bukan tempat penerimaan.

Injil menunjukkan bahawa iman tidak pernah dimaksudkan untuk hidup sendirian. Yesus Kristus tidak memanggil murid-murid-Nya untuk berjalan seorang diri.

Dia hidup bersama mereka, makan bersama mereka, dan menemani mereka dalam kelemahan. Bahkan Dia sendiri bersabda, “Di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam nama-Ku, di situ Aku ada di tengah-tengah mereka” (Matius 18:20).

Masalah hari ini ialah kita semakin kehilangan budaya pertemuan. Kita boleh berhubung dengan ramai orang, tetapi jarang benar-benar mendengar. Hubungan menjadi cetek, dan iman turut terjejas.

Namun harapan tetap ada. Iman boleh dihidupkan kembali apabila kita berani mengambil langkah pertama—untuk mendekati, mendengar dan hadir. Firman Tuhan mengingatkan kita: “Hendaklah kamu saling mengasihi dengan kasih persaudaraan dan saling mendahului dalam memberi hormat” (Roma 12:10).

Akhirnya, iman bukan sekadar tentang percaya kepada Tuhan, tetapi tentang hidup bersama sebagai umat-Nya. Seperti yang tertulis: “Supaya mereka semua menjadi satu” (Yohanes 17:21).

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Marilah kita berdoa untuk para paderi yang melalui saat-saat krisis dalam panggilan mereka, agar mereka dapat menemukan pendampingan yang mereka perlukan dan agar komuniti dapat menyokong mereka dengan pemahaman dan doa.

Minggu Suci, Tridum di seluruh keuskupan Malaysia



Langkah demi langkah, umat memasuki Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu, sambil melambai daun palma — simbol iman, harapan, dan kasih. Minggu Palma membuka jalan menuju Misteri Paskah.



Belia dan wanita, antara yang terlibat dalam upacara pembasuhan kaki pada Hari Khamis Putih di Keuskupan Miri.



Dalam kesunyian Khamis Putih, Uskup Bernard Paul dari Keuskupan Melaka Johor, menundukkan diri membasuh kaki, menghidupkan kembali kasih Yesus yang melayani tanpa syarat. "Jika Aku, Tuhan dan Guru, membasuh kakimu, kamu pun harus saling membasuh kaki." (Yoh 13:14)



Uskup Agung Simon Poh mengarak Sakramen Mahakudus pada malam Khamis Putih di Katedral St Joseph, Kuching.



Uskup Keningau, Cornelius Piong, melutut di Salib pada Jumaat Agung, sebuah tanda iman, penghormatan, dan kasih yang mendalam kepada Kristus.



Kardinal Sebastian, mendahului kongregasi dalam upacara penghormatan salib, di Katedral Roh Kudus, Pulau Pinang.



Uskup Agung Julian Leow, memulakan upacara Vigil Paskah di Katedral St John the Evangelist, Kuala Lumpur dengan pemberkatan Lilin Paskah.



Uskup Joseph Hii, mendupai Lilin Paskah di luar Katedral Sacred Heart, Sibul pada Vigil Paskah.



Perarakan masuk dengan lilin bercahaya pada malam vigil Paskah di Gereja Our Lady of Guadalupe, Melaka.

Semasa vigil Paskah, Uskup Julius Dusin Gitom membaptis para katekumen, melambangkan kematian terhadap dosa dan kebangkitan kepada hidup baru.



Uskup Richard Ng, mengurapi minyak krisma pada penerima Sakramen Inisiasi di Katedral St Joseph, Miri.



Uskup Agung John Wong, memercik kongregasi dengan air suci selepas upacara memperbaharui janji baptis.